



Utusan Malaysia - UEM Sunrise Kaji Impak Pengecualian SST

🕒 Rabu, Okt 03 2018



UEM Sunrise kaji impak pengecualian SST

Utusan Malaysia 3/10/18

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 OKT.

UEM Sunrise Bhd. sedang mengkaji impak pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang dikenakan terhadap bahan binaan dan perkhidmatan pembinaan sama ada ia mampu mengurangkan harga hartanah atau tidak.

Pengarah Urusan dan Ketua

"Kesemua kos ini menyumbang kepada harga jualan. Jika kami dapat melakukan penjimatan daripada SST, sudah tentu kami mahu salurkan kepada pengguna."

kerajaan terpaksa menimbang semula untuk menarik balik pengecualian SST yang dikenakan terhadap bahan binaan dan perkhidmatan pembinaan sekiranya pemaju hartanah ingkar untuk menurunkan harga rumah.

Beliau tidak mahu penjimatan yang diraih daripada pengecualian SST ini diterjemahkan kepada penambahan pakej-pakej tertentu di dalam perumahan sebaliknya hendak melihat harga dikurangkan.

Pegawai Eksekutif UEM Sunrise, Anwar Syahrin Abdul Ajib berkata, dari segi perspektif kos, selain SST, masih banyak lagi kos lain yang perlu ditanggung oleh syarikat pemaju hartanah.

Katanya, kos lain termasuk caj pembangunan, kos tanah dan premium meningkat meskipun kini pengecualian SST diberi kepada bahan binaan dan perkhidmatan pembinaan malah tiada lagi cukai barang dan perkhidmatan (GST).

“Kesemua kos ini menyumbang kepada harga jualan. Jika kami dapat melakukan penjimatan daripada SST, sudah tentu kami mahu salurkan ke-

ANWAR SYAHRIN ABDUL AJIB

pada pengguna.

“Tetapi kami perlu melihat kepada kos. Caj pembangunan boleh naik sehingga 25 peratus dan ini akan membawa kepada peningkatan harga,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Negara Grab Malaysia, Sean Goh dan Pengarah Urusan GrabPay Malaysia, Singapura dan Filipina, Ooi Huey Tyng.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng baru-baru ini berkata,

Terdahulu, UEM Sunrise dan Grab Malaysia menjalin kerjasama strategik bagi memperluaskan penggunaan perkhidmatan transaksi tanpa wang atau *cashless* di Publika dan Iskandar Puteri, Johor meliputi GrabFood dan GrabPay.

Beberapa peniaga di Publika sudah memanfaatkan platform Grab termasuk GrabFood dan GrabPay seperti Restoran Plan B, Baskin Robbins dan Tealive.

UEM Sunrise teruja untuk menjadi syarikat hartanah pertama bekerjasama dengan Grab dalam usaha menyediakan ekosistem bagi menggalakkan penggunaan pembayaran digital.



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**